

ID 127

**Pembelajaran Atas Talian: Kesan Psikologi dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di
Universiti**

Ross Azura Zahit¹, Mohamad Azhari Abu Bakar¹ & Noorhaslina Senin²

¹Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

Universiti Malaysia Sarawak

²Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

Universiti Malaysia Sarawak

zrazura@unimas.my

ABSTRAK

Penularan wabak COVID-19 ke seluruh dunia telah memberi kesan besar terhadap gaya hidup masyarakat. Wabak ini mempengaruhi ketidakstabilan kesejahteraan psikologi manusia dari segi kebimbangan, kemurungan dan tekanan. Antara kelompok yang terkesan ialah para pelajar di institusi pengajian tinggi yang perlu belajar secara dalam talian. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka hubungan faktor demografi dan tahap kesejahteraan psikologi (kemurungan, kebimbangan dan tekanan) dalam kalangan pelajar tahun pertama yang menjalani pengajaran dan pembelajaran dalam talian sepenuhnya semasa pandemik COVID-19. Seramai 242 orang pelajar tahun pertama, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Malaysia Sarawak, telah mengisi borang soal selidik (Depression, Anxiety and Stress Scale, 21-item (DASS-21) yang diedarkan secara dalam talian. Secara umum, dapatan kajian mendapati pelajar universiti turut mengalami masalah kesejahteraan psikologi. Faktor jantina dan program pengajian dilihat menjadi penyumbang kuat terhadap aspek kebimbangan pelajar. Perincian dapatan dan perbincangan turut dinyatakan dalam kajian ini.